

15/06/1998

Projek awam perlu diselamat

Daud Awang

JOHOR BAHRU, Ahad - Parti Gerakan mahu kerajaan mengenal pasti projek infrastruktur dan syarikat perniagaan yang ada kaitan dengan kepentingan rakyat untuk diselamatkan akibat kegawatan ekonomi.

Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata langkah menyelamatkan projek dan syarikat terbabit penting kerana kebajikan rakyat perlu diutamakan dalam keadaan sekarang.

"Sejak kebelakangan ini, semakin banyak syarikat perniagaan dan projek infrastruktur membabitkan kepentingan rakyat semakin tenat dan perlu dibantu segera.

"Oleh itu, kerajaan perlu bertindak segera bagi memulihkan keadaan itu terutama ketika negara dilanda krisis ekonomi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Pemuda dan Wanita Parti Gerakan di sini, hari ini.

Tanpa menyebut projek dan syarikat terbabit, Dr Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama, berkata tindakan menyelamatkan syarikat perniagaan tertentu bukan mahu menjaga pihak pengurusannya tetapi memastikan syarikat itu terus berdaya saing.

"Jika projek dan syarikat itu memberi sumbangan bermakna kepada rakyat, ia harus dibantu. Bantuan itu bukan untuk kepentingan pihak pengurusannya, tetapi mahu menyelamatkan syarikat terbabit," katanya.

Mengenai kapitalisme suku sakat dan nepotisme, Dr Lim berkata, dia bersetuju dengan pendapat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa istilah itu sengaja dicetuskan oleh media asing.

Menurutnya, andaian itu tidak berlaku di Malaysia sebaliknya kemakmuran negara ini diagihkan sama rata dan boleh dinikmati semua kaum di negara ini.

"Istilah itu sengaja diada-adakan bagi memburukkan lagi ekonomi selepas negara menikmati pembangunan yang pesat," katanya.

Dr Mahathir ketika berucap di Kuala Terengganu, Jumaat lalu, mengingatkan rakyat supaya berhati-hati dengan helah media asing yang mencipta pelbagai istilah untuk melemah dan memecah-belahkan perpaduan.

Menurutnya, istilah seperti kapitalisme suku sakat, ketelusan, globalisasi, deregulasi, dunia tanpa sempadan, korupsi dan pilih kasih yang tidak pernah didengar dulu, kini sudah mendapat perhatian rakyat.

Dr Mahathir berkata, media asing mahu memanipulasi fikiran rakyat dan berulang kali menggunakan istilah berkenaan seolah-olah menunjukkan kelemahan kerajaan atau pemimpin.

Sehubungan itu, dalam ucapannya, Dr Lim mahu rakyat terus memberi sokongan padu kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) bagi mewujudkan kerajaan yang bersih, cekap dan amanah.

Menurutnya, keamanan dan sokongan rakyat pelbagai kaum akan membolehkan kerajaan mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi ketika ini dalam tempoh yang singkat.

(END)